

Jangan jual permit untuk cepat kaya: PM

BH 27 FEB 2000

Oleh ZULKOFLI JAMALUDIN

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu orang Melayu mengikis budaya ingin cepat menjadi kaya dengan menjual konsesi atau permit yang diterima, sebaliknya bergiat dalam bidang peruncitan dan francais untuk maju dalam perniagaan.

Perdana Menteri berkata, dengan pembabitan dalam perniagaan runcit mereka boleh berkembang menjadi pengimport dan ejen pengedar kerana perniagaan itu menyediakan peluang latihan terbaik.

"Kalau budaya kita hendak kaya cepat, kita jual konsesi kepada orang Cina dan beli kereta Mercedes, tetapi apabila duit habis kereta itu akhirnya terpaksa dijual.

"Sebaliknya, jika kita mencontohi orang Cina

yang sanggup bersusah payah masuk dan tidur di dalam hutan, Insya-Allah kita boleh berjaya walaupun tanpa sokongan kerajaan," katanya.

Malah, Perdana Menteri berkata orang Cina yang mengusahakan balak tidak mendapat konsesi, sebaliknya membelinya daripada orang Melayu dan masih mengaut keuntungan.

UCAPAN PENUH PERDANA MENTERI DI MUKA 6 DAN 7

Bagaimanapun, beliau berkata, orang Melayu yang tidak perlu membeli konsesi masih enggan mengusahakan sendiri balak kerana ingin mendapat wang secepat mungkin.

"Masalah Ali Baba bukan kerajaan galak, te-

tapi budaya ini berkembang kerana kita hendak cepat kaya. Kalau dapat permit teksi, kita sewa kerana hendak kaya," katanya pada sesi dialog dengan 1,500 peserta Kongres Profesional Muda Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Kongres bertemakan 'Profesionalisme Melayu Mengharungi Cabaran K-Ekonomi' selama dua hari itu, dianjurkan oleh Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara).

Turut hadir Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamad Nazri Aziz; Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamad; dan Presiden Ansara, Mukhriz Mahathir.

LIHAT MUKA 2

Jangan' jual permit untuk cepat kaya

BH 27 FEB 2000
DARI MUHA 1

Dalam dialog itu juga Perdana Menteri menyarankan profesional Melayu memberi latihan secukupnya kepada orang Melayu yang hendak bergiat dalam bidang perniagaan runcit dan mengenal pasti bidang perniagaan yang boleh disertai.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu juga boleh berjaya dalam perniagaan runcit sekiranya menyediakan butiran lengkap dan tertib serta menyimpan rekod masuk dan keluar wang.

“Sekiranya tertib dan bertanggungjawab ini menjadi sebahagian daripada budaya kita, saya yakin kita boleh berjaya,” katanya sambil memberi contoh perniagaan francais, termasuk kedai fotografi, restoran, barangan kemas dan farmasi yang berkembang pesat sekarang.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu juga boleh bergiat dalam bidang francais, malah Malaysia adalah negara termaju dalam sistem itu di Asia Tenggara.

“Saya minta orang Melayu tumpu perniagaan francais walaupun tidak menjadikan kita jutawan... tetapi kita dapat banyak pengajaran yang boleh menolong kita membangunkan perniagaan dalam bidang lain.

“Kita galakkan sistem francais kerana francaisor menyediakan semua, termasuk mengenai harga serta kos dan kita hanya perlu mengeluarkan sedikit belanja untuk menyediakan peralatan,” katanya.

Menjawab soalan mengenai ekonomi pengetahuan (K-Ekonomi), Perdana Menteri berkata pengetahuan saja tidak mencukupi kerana ia perlu diseimbangkan dengan budaya.

“Kita sudah masuk dalam K-Ekonomi dan jangan terlalu ghairah dengan kemudahan mendapat maklumat, sebaliknya menggunakannya dengan baik dan barulah kita boleh mencapai kejayaan,” katanya sambil memberi contoh perniagaan buku di laman Amazon. com.

Dr Mahathir berkata, syarikat itu berjaya kerana menjamin sebarang buku yang dibeli akan sampai dan mutunya sama seperti dicatatkan dalam halaman web.

“Sebab itu, walaupun kita tidak tengok (buku yang dipesan) kita tahu apa yang dibeli adalah baik seperti maklumat pada laman web,” katanya.

Perdana Menteri berkata, budaya menawarkan khidmat dulu sebelum menerima sesuatu juga perlu dipupuk di kalangan orang Melayu.

“Seperti pengakap, apabila hendak mengutip derma, mereka mencuci kereta atau mencuci rumah. Budaya ini perlu kita pupuk. Sekarang kita bagi, dia bukan tidak bagi sesuatu, dia bagi juga undi bila pilihan raya.

“Kalau kita mempunyai budaya yang menghargai diri dan tidak mahu terhutang budi kepada orang, dan sesuatu terima adalah kerana kita menawarkan sesuatu, barulah kita boleh jadi bangsa berjaya,” katanya.